

28/04/2002

Kolam Air Panas La semakin popular

Mohammad Ishak

ADA yang percaya, air panas semula jadi boleh membantu menyembuhkan penyakit kulit seperti panau, kurap, kudis dan gatal-gatal. Mereka sanggup merendamkan badan badan di dalam kolam air panas selama 10 hingga 30 minit dengan harapan penyakitnya pulih.

Kolam Air Panas La di pedalaman Hulu Besut, Terengganu, yang mengeluarkan sumber air panas semula jadi, misalnya menjadi tumpuan ramai sejak dibuka hampir 10 tahun lalu. Sebelum itu, tempat itu terbiar dan tidak siapa yang tahu kerana kedudukannya agak terpencil.

Kini, setiap minggu, tidak kurang 500 pengunjung dari dalam dan luar negara ke tempat itu untuk melihat keunikan air panas yang memancut keluar dari celah batu di sebuah bukit kecil.

Terletak kira-kira 38 kilometer dari bandar Jertih, Terengganu, menghala ke barat Hulu Besut, pengunjung boleh sampai ke situ dengan menaiki bas, kereta, van, motosikal atau berbasikal.

Perjalanan menggunakan kenderaan mengambil masa kira-kira 45 minit dari Jertih, pasti tidak membosankan pengunjung kerana sepanjang perjalanan dapat melihat pemandangan dan kampung tradisional di Besut.

Meskipun Air Panas La tidak tersenarai dalam 48 kolam air panas yang ada di Malaysia, namun tempat itu pasti mempunyai kelebihan tersendiri kerana suhu airnya dikatakan mampu memasak telur selepas direndam kira-kira 30 minit.

Keistimewaan tempat itu ialah, pengunjung dapat menikmati air panas yang mengalir dari celah batu di sebuah bukit yang disalurkan ke beberapa kolam yang dibina khas bagi kemudahan orang ramai untuk mandi dan berendam.

Ada tiga lubang kecil yang menjadi punca air panas keluar dari perut bumi menerusi bukit berbatu hampar. Anehnya air yang mengalir bukan saja panas malah berbau belerang.

Satu lagi keistimewaan tempat itu ialah penggemar batu permata boleh mengambil kesempatan untuk mencari bahan berharga itu yang ada di dalam anak sungai berhampiran. Kegiatan mencari batu permata itu dikatakan sungguh mudah kerana ia ada tersembunyi dalam pasir dan airnya jernih memudahkan mereka mencarinya.

Malah, ada cerita orang tua tempatan menyatakan ada orang Inggeris yang datang ke situ pernah cuba meletupkannya untuk mengetahui punca sebenar air mengalir tanpa henti walaupun musim kemarau, tetapi tindakan itu tidak berjaya.

Kepanasan semula jadi air di situ menyebabkan tidak ramai pengunjung yang mampu menahan diri ketika berendam di dalam kolam yang disediakan.

Kini tempat itu atau lebih dikenali dengan nama LA Hot Spring sudah berubah wajah apabila projek membangunkan tempat rekreasi itu bernilai RM2 juta siap pertengahan Mac lalu.

Pengunjung kini dapat menikmati suasana sekitar yang lebih nyaman dan tidak perlu berebut-rebut untuk mandi manda kerana terdapat sepuluh kolam khas yang menyalurkan air panas dibina di kawasan itu.

Pembinaan kolam khas secara berasingan antara lelaki dan wanita membolehkan orang ramai mandi manda tanpa segan dan malu, berbanding sebelum ini yang hanya mempunyai sebuah kolam untuk menakung air.

Selain itu, tempat itu juga mempunyai kemudahan dua chalet sederhana, surau, tandas awam, bilik persalinan, pusat penerangan, tempat meletak kereta, kedai dan ruang untuk kegiatan perkhemahan.

Projek pembinaan kemudahan kolam khas seperti yang ada di kolam Air

Panas Poring, Sabah itu, itu kini menjadi daya tarikan baru kepada pengunjung terutama mereka yang gemar menghabiskan masa cuti hujung minggu di kawasan belantara dan hutan tropika.

Kemasyhuran air panas La bukan saja menarik minat pengunjung biasa malah turut mencatat sejarah tersendiri apabila tiga pemimpin kerajaan termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut mengunjungi tempat itu pada April 1994, diikuti Sultan Terengganu dan Permaisuri, pada 1995 dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta isteri menjejak kaki mereka pada 2000.

(END)